

# Kumpulan Tanggam pameran perabot di Itali

**Kuala Terengganu:** Lembaga Industri Perkayuan Malaysia (MTIB) terus melakar nama di pentas antarabangsa apabila rekaan perabot tempatan menerusi label kumpulan Tanggam akan menyertai pameran perabot antarabangsa i-Saloni 2014 di Milan, Itali, bulan depan.

Pengarah Pembangunan Industri MTIB Mahpar Atan berkata, pameran enam hari bermula 8 April ini akan disertai lapan pereka muda berumur bawah 35 tahun yang dipilih melalui pertandingan Reka Bentuk Perabot Mobili anjuran agensi berkenaan.

"Pada penyertaan pertama tahun lalu, kita menghantar lima pereka dan kali ini kita menghantar lapan pereka terpilih ke lokasi sama untuk mempamerkan 18 prototaip perabot rekaan mereka yang



**SEBAHAGIAN** peserta yang akan menyertai Pameran Perabot Antarabangsa iaitu i-Saloni 2014 di Milan, Itali.

mengadaptasikan pelbagai ciri dan tema berkonsepkan budaya Malaysia.

"Kita harap dengan penyertaan dalam pameran ini, pereka tempatan mendapat tempat dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa se-

lain mampu memasarkan ciptaan mereka," katanya selepas Dialog Reka Bentuk Perabot di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) di sini, semalam.

Sementara itu, pensyarah Seni Reka Bentuk dan Tek-

nologi Kejuruteraan UniSZA Shahrul Anuwar Mohamed Yusof berkata, beliau bersyukur kerana sekali lagi dipilih menyertai pameran berprestij yang mengumpulkan lebih 700 pereka dari seluruh dunia untuk mempamerkan reka bentuk masing-masing.

"Berdasarkan penyertaan tahun lalu, perabot Malaysia dikagumi pengunjung kerana mempunyai nilai budaya serta gabungan moden dan tradisional.

"Tahun ini saya memper-taruhkan dua produk menggunakan kayu nyatoh dan kaca iaitu 'Kona Table', sebuah meja kopi yang boleh diceraikan dan dipasang semula bagi menjimatkan ruang serta produk diberi nama 'Gelek Stool' iaitu kerusi untuk kanak-kanak bermain dan kegunaan dewasa," katanya.

*Harian Metro 27/3/2014*